



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15.08.22	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	TNB			

BH Isnin, 15 Ogos 2022

Bisnes

27

# Kos operasi TNB Genco setahun lebih RM100j

### Belanja paling tinggi untuk stesen jana kuasa dan empangan di Cameron Highlands

Oleh Hazwan Faisal Mohamad  
hazwanfaisal@bh.com.my

TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) membelanjakan lebih RM100 juta setiap tahun bagi tujuan operasi dan penyelenggaraan semua stesen jana kuasa dan empangan miliknya di Semenanjung.

Ketua Pegawai Operasi TNB Genco, Datuk Ir Roslan Abd Rah-

man, berkata daripada jumlah itu, stesen jana kuasa dan empangan di Cameron Highlands menyumbang kos paling tinggi iaitu kira-kira RM40 juta setahun.

Katanya, faktor yang menyumbang kepada kos tinggi itu disebabkan masalah pemendapan dan sampah yang banyak di empat empangan, Cameron Highlands.

"Pemendapan sebenarnya telah lama berlarutan kerana seperti kita tahu, aktiviti pembinaan di Cameron Highlands begitu rancak yang menjadi antara punca utama masalah ini.

"Bagi menangani pemendapan ini, kami terpaksa membelanjakan hampir RM30 juta setahun bagi tujuan mengorek dan membuang pasir yang terdamp dalam empangan.

"Jika tidak, ia boleh menyebabkan kapasiti air empangan terus berkurangan sehingga menje-



Lawatan media ke stesen jana kuasa elektrik dan empangan di Cameron Highlands, baru-baru ini. BERNAMA

jakan penjana tenaga elektrik, selain mampu memberi kesan dari segi takungan air dan mengakibatkan limpahan jika tidak ditangani dengan betul," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika lawatan media ke stesen jana kuasa elektrik dan empangan Cameron Highlands, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengurus Besar Hal Ehwal Stakeholder TNB Negeri Pahang, Datuk Baderul Sham Saad dan Pengurus Besar Stesen-stesen Jana Kuasa (SSJ) Cameron Highlands, Sa'aidan Abu Hassan.

Terdapat empat empangan utama di Cameron Highlands milik TNB Genco iaitu Empangan Ringlet, Empangan Susu, Empangan Jor dan Empangan Mahang.

Stesen jana kuasa pula terdiri daripada Jor yang menghasilkan 100 megawatt (MW), Woh (150

MW) dan Ulu Jelai (372 MW).

Selain itu, terdapat lima stesen mini hidro, iaitu Kampung Raja (0.8 MW), Kuala Teria (0.5 MW), Robinson Falls (0.5 MW), Haba (5.5 MW) dan Odak (4.2 MW).

**Bukan hanya jana elektrik**

Roslan berkata, operasi stesen terlibat bukan hanya menjana tenaga elektrik malah pengurusan perlu memastikan paras air di empangan terkawal.

"Fungsi empangan bukan hanya untuk menjana elektrik, tetapi juga sebagai tebatan banjir dan kawalan air sebagai pengaliran di hilir sungai.

"Buat masa ini, kami masih dapat menguruskan perbelanjaan (penyelenggaraan), namun jika dapat menghentikan masalah bahan buangan atau bahan yang tidak diingini masuk ke dalam tasik, kos ini boleh dikurangkan,"

katanya.

Mengenai perancangan TNB Genco untuk membuka empangan baharu pada masa depan, beliau berkata, ia memerlukan kajian terperinci dan agak lama.

"Untuk pengetahuan, pembinaan empangan perlu mengambil kira banyak perkara dan juga kajian antaranya Kajian Penerimaan Awam dan Sosial, Kajian Impak Alam Sekeliling (EIA), Kajian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Impak Warisan (HIA).

"Empangan terbaru yang akan dibina ialah di Nenggiri, Gua Musang yang diumumkan baru-baru ini," katanya.

Kerajaan pada pertengahan Jun lalu mengumumkan pembinaan Projek Empangan Hidroelektrik Nenggiri bernilai RM5 bilion yang dijangka bakal menjana 300 megawatt (MW) dan mula beroperasi pada pertengahan 2027.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Asli No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web :  
[www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia